

KABA TJINDUO MATO DAN BUNDO KANDUANG :
ANALISIS STRUKTUR DAN TELAAH
AMANAT

SHAMSINAH BTE. IBRAHIM

JABATAN PERSURATAN MELAYU
FAKULTI SAINS KEMASYARAKATAN DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI, SELANGOR
SESI 1988 / 89

**KABA TJINDUO MATO DAN BUNDO KANDUANG:
ANALISIS STRUKTUR DAN TELAAH
AMANAT**

**OLEH
SHAMSINAH BTE. IBRAHIM**

**LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANAMUDA SASTERA
DENGAN KEPUJIAN**

**JABATAN PERSURATAN MELAYU
FAKULTI SAINS KEMASYARAKATAN DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI, SELANGOR**

1988/89

Pengakuan

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri
kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan-ringkasan yang
tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

29-3-89

Tarikh

 (SHAMSINAH BTE. IBRAHIM)

Tandatangan dan nama calon

PENGHARGAAN

"Bi'smi'llahi'l - Rahmani'r - Rahim"

Syukur kepada Allah s.w.t kerana dengan taufik, hidayah dan keizinanNya dapat juga saya menyempurnakan latihan ilmiah ini sebagai mana yang direncanakan dari awal hingga akhir.

Di dalam menjayakan usaha ini, pertamanya saya ingin merakamkan setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada **Encik Mohd.Pozi b. Hj. Masurori**, pensyarah di Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia yang bertindak sebagai penyelia saya di dalam menyiapkan latihan ilmiah ini. Segala sumbangan, saranan, tunjuk ajar dan budi bicara beliau amat saya hargai dan sanjungi. Hanya Allah jua yang dapat membalasnya.

Jutaan penghargaan dan terima kasih juga saya rakamkan buat yang dikasihi **Abah, Mak** serta **Mak Timah** yang sentiasa mendoakan kejayaan ini, kepada **Abang** yang sentiasa memberikan semangat dan dorongan serta banyak membantu ke arah kemajuan ini, untuk **datuk** dan **nenek** yang tidak sempat melihat kejayaan ini, hanya doa yang dapat diberikan, kepada adik-adik **Jo, Jai, Sal** dan **Tuty** serta jua **anak-anak saudara**, semoga kejayaan ini akan diteruskan oleh kalian.

Akhir sekali ucapan penghargaan dan terima kasih juga dihulurkan buat teman-teman seperjuangan yang banyak membantu sepanjang berada di kampus Bangi ini, terutamanya **Leha, Farid, Ijan, Na, Huda, Norlia, Fathiyah, Mai, Feeza** dan ramai lagi yang tidak disebutkan. Budi kalian tidak mungkin dilupakan... dan kenangan bersama kalian tetap tersemat di dalam ingatan.

Seterusnya penghargaan buat **Encik Japri b. Abu Bakar** yang sudi menaip latihan ilmiah ini. Terima kasih buat semua. Budi yang baik akan dikenang dan semoga segala yang dilakukan akan mendapat keberkatan dari Allah.

Shamsinah bte. Ibrahim,
No. 6, Rumah Rakyat Ulu Lalang,
71200 Rantau,
Negeri Sembilan.

K2A - 210,
Kamsis Dato' Onn,
UKM, Bangi.

SINOPSIS

Penelitian ini bertujuan untuk menganalisis struktur dan amanat di dalam *Kaba Tjinduo Mato dan Bundo Kanduang*. Dengan menggunakan Pendekatan Struktural, penulis menganalisis hubungan di antara unsur-unsur yang membina karya ini. Unsur-unsur tersebut ialah tema, plot, watak, latar, sudut pandangan dan gaya bahasa. Penulis turut membincangkan kepentingan setiap unsur tersebut. Di bahagian amanat, penulis mendapati beberapa amanat yang cuba diketengahkan oleh pengarangnya. Umpamanya unsur-unsur amanat yang positif dapat dijadikan contoh serta tauladan jua unsur-unsur yang negatif dapat dijadikan sempadan oleh para pembaca. Khusus untuk kesimpulan dari hasil penelitian yang telah dilakukan dari bab-bab yang terdahulu, penulis telah menilai unsur-unsur yang membina struktur kaba yang dikaji ini dan melihat kepentingan unsur-unsur ini di dalam pembinaan struktur kaba tersebut.

SYNOPSIS

The objective of this study is to analyse the structure and the "message" (amanat) in the work entitled *Kaba Tjinduo Mato dan Bundo Kanduang*. Using the structural approach, the writer analyses the theme, plots, setting, views and style that together make this creative work. The writer discusses the importance of each one of these elements. For example, when dealing with the element of "message" this writer feels the author was trying to put emphasis on certain "message" in that his readers may be guided by the positive and negative "message" in leading their lives. This writer has evaluated the elements that build up the structure of the "kaba" and their significance to this structure.

PENGANTAR

Sastera dan masyarakat memang tidak dapat dipisahkan. Sehubungan dengan ini, sastera lama mempunyai hubungan yang amat erat dengan masyarakat. Sastera berbentuk prosa dan puisi ini kemudiannya terus berkembang dari satu generasi kepada satu generasi yang lain sebagai satu sumber pengajaran dan hiburan kepada masyarakat.

Di dalam masyarakat Minangkabau, sastera lisan berbentuk prosa dikenali sebagai kaba. Biasanya kaba disampaikan di dalam bentuk prosa lirik. Kaba Minangkabau yang merupakan hasil kesusasteraan lisan dalam bidang budaya rakyat juga mempunyai pengaruh yang besar sebagai alat menghibur bagi masyarakat Minangkabau.

Pengkaji terhadap bentuk kaba ini didorong oleh rasa tertarik hati penulis kepada bentuk-bentuk kesusasteraan Melayu lama khususnya bentuk-bentuk kesusasteraan yang berasal dari Minangkabau. Sastera masyarakat Minangkabau ini ada kelainannya. Walaupun ia adalah sastera lisan berbentuk prosa namun cerita-cerita ini biasanya disampaikan oleh penglipurlara di dalam bentuk prosa lirik. Selain daripada itu, penghasilan kaba juga mempunyai kaitan dengan adat yang melingkungi kehidupan masyarakat Minangkabau dan ia merupakan ciri yang agak unik di dalam penghasilan kaba.

A. Tujuan Kajian.

Ada beberapa tujuan yang mendorong kajian ini dijalankan iaitu;

- i. Untuk melihat kehadiran unsur-unsur yang membentuk struktur kaba ini.
- ii. Untuk melihat unsur-unsur amanat dan hubungannya dengan unsur-unsur yang membina karya ini.

- iii. Untuk memberikan penjelasan yang lebih mengenai isi kandungan karya yang dikaji.
- iv. Melihat kewujudan elemen-elemen tertentu dalam membentuk suatu makna tertentu dengan berdasarkan kepada struktur penceritaan dari setiap aliran genre sastera klasik berbentuk prosa.
- v. Menganalisis kewujudan unsur-unsur lain yang turut menghidupkan jalinan cerita dalam karya yang dikaji.
- vi. Mengkaji bentuk urutan penceritaan yang menjadi dasar penciptaan yang kreatif di dalam kaba.

B. Kajian-Kajian Lepas.

Kajian-kajian terhadap unsur-unsur struktur dan amanat terhadap genre-genre cerita klasik berbentuk prosa telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji yang terdahulu terutamanya untuk tujuan latihan ilmiah mahasiswa/i di pusat-pusat pengajian tinggi tempatan. Bagaimanapun, pengkajian terhadap unsur-unsur struktur dan amanat yang dilakukan lebih banyak didasarkan kepada kaedah Pendekatan Formalistik. Hanya satu kajian mengenai unsur-unsur struktur dan amanat ini cuba memberikan penekanan kepada kaedah Pendekatan Struktural seperti yang dilakukan oleh;

- i. Rosli Md. Dali, "Hikayat Hassan Damsyik : Analisis Struktur dan Telaah Amanat," Latihan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1987.

Kecenderungan penulis untuk mengkaji aspek struktur dan amanat di dalam kaba ini diharapkan dapat memberikan sedikit sumbangan kepada pengkaji-pengkaji lain untuk mengkaji hasil-hasil kesusasteraan lain yang berasal dari Minangkabau dengan secara lebih terperinci lagi.

C. Persoalan Kajian.

Permasalahan dalam penelitian ini adalah untuk memperlihatkan sejauh manakah struktur kaba ini terdiri dari elemen-elemen yang saling berkaitan dan berhubungan di antara satu unsur dengan satu unsur yang lain. Penelitian juga ditumpukan kepada analisis bagaimana unsur-unsur struktur kaba ini disusun sehingga dapat mendokong unsur-unsur amanat seperti yang cuba diketengahkan oleh pengarang kaba ini. Permasalahan inilah yang cuba digarap oleh penulis di dalam kajian ini.

D. Skop Kajian

Skop pengkajian adalah khusus kepada teks yang dipilih iaitu *Kaba Tjinduo Mato dan Bunda Kandung* dengan menghadkan kepada analisis terhadap aspek struktur dan amanat. Analisis yang dilakukan adalah didasarkan kepada Pendekatan Struktural kerana kaedah ini dirasakan lebih sesuai dan dapat memenuhi tujuan dan kehendak kajian.

E. Metodologi Yang Digunakan.

Kajian yang dijalankan adalah berdasarkan kepada kajian perpustakaan. Penyelidikan dijalankan terutamanya di perpustakaan-perpustakaan Tun Seri Lanang, Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Jabatan Persuratan Melayu dan Universiti Malaya. Segala bahan rujukan, majalah, makalah, artikel dan jurnal yang dianggap relevan dan bersangkutan dengan kajian ini turut digunakan sebagai rujukan. Bahan-bahan tersebut disaring untuk menentukan ketepatannya sebagai bahan rujukan dan data-data yang didapati darinya diproses dalam bentuk analisis.

KANDUNGAN

	Halaman
PENGHARGAAN	i
SINOPSIS	ii
PENGANTAR	iv
KANDUNGAN	vii
 BAB I: PENGENALAN TEKS DAN DEFINISI	
1.1 Latar-Belakang Sastra Lisan	1
1.2 Kaba Minangkabau	2
1.3 Definisi Struktur Dan Sejarah Perkembangan Pendekatan Struktural Di Dalam Karya-karya Sastra	8
1.4 Definisi Amanat	13
1.5 Pengenalan Kaba Tjinduo Mato Dan Bundo Kandung	15
1.5.1 Latarbelakang Pengarangnya	16
1.5.2 Tarikh Penciptaan	17
1.5.3 Tujuan Penciptaan	17
1.5.4 Perbandingan Dengan Naskhah-Naskhah Lain	18
1.6 Ringkasan Cerita	21
 BAB II: TRANSKRIPSI TEKS KABA TJINDUO MATO DAN BUNDA KANDUANG	28
 BAB III: ANALISIS TEMA DAN STRUKTUR DI DALAM KABA TJINDUO MATO DAN BUNDA KANDUANG	
3.1 Pengenalan	147
3.2 Tema Dan Persoalan	148
3.2.1 Tema Dan Persoalan Kaba Tjinduo Mato dan Bundo Kandung	149
3.3 Struktur Kaba Tjinduo Mato Dan Bundo Kandung	156
3.3.1 Plot Cerita	156
3.3.1.1 Plot Cerita Kaba Tjinduo Mato Dan Bundo Kandung	158
3.3.2 Watak Dan Perwatakan	164

3.3.2.1	Watak Dan Perwatakan Kaba Tjinduo Mato Dan Bundo Kandung	167
3.3.3	Latar	181
3.3.3.1	Latar Kaba Tjinduo Mato Dan Bunda Kandung	183
3.3.4	Sudut Pandangan	188
3.3.4.1	Sudut Pandangan Kaba Tjinduo Mato Dan Bundo Kandung	190
3.4	Struktur Bahasa Kaba Tjinduo Mato Dan Bundo Kandung	
3.4.1	Pengenalan	193
3.4.2	Gaya Bahasa Kaba Tjinduo Mato Dan Bundo Kandung	194
3.4.3	Struktur Ayat	200
3.4.4	Sistem Ejaan	202
3.4.5	Pengaruh Bahasa Asing	204
BAB IV:	TELAAH AMANAT DI DALAM KABA TJINDUO MATO DAN BUNDO KANDUANG	
	Penilaian Terhadap Unsur-Unsur Amanat Di Dalam Kaba Tjinduo Mato Dan Bundo Kandung	205
BAB V:	RUMUSAN	226
BIBLIOGRAFI		232
LAMPIRAN I		235
LAMPIRAN II		236

BAB 4

TELAAH AMANAT DI DALAM KABA TJINDUO MATO DAN BUNDA KANDUANG

Penilaian terhadap unsur-unsur amanat di dalam Kaba Tjinduo Mato dan Bundo Kandung.

Kaba Tjinduo Mato dan Bundo Kandung yang dihasilkan di dalam lingkungan masyarakat yang kaya dengan adat serta kuat pula berpegang kepada ajaran-ajaran agama tentunya mempunyai nilai-nilai pengajaran yang disampaikan secara simbolik. Mesej atau amanat yang ingin disampaikan oleh pengarang kepada khalayak pembacanya ini, biasanya termuat di dalam tema serta persoalan-persoalan yang ditimbulkan di dalam teks.

Di dalam apa juga bentuk genre yang dihasilkan, sudah pasti terbentuk suatu gagasan pemikiran atau idea sebagai amanat dari genre tersebut. Hasil-hasil kesusasteraan Melayu lama memang terkenal dengan unsur-unsur didaktik atau pengajaran di dalamnya yang dijalinkan menerusi tema, persoalan, perwatakan serta plot cerita. Amanat adalah suatu unsur penting di dalam sesebuah hasil karya sastra sebagai bahan renungan pembaca.

Amanat sesebuah karya sastra berbentuk simbolik. Ini menimbulkan kesukaran kepada pembaca untuk mencungkil perkara-perkara tersebut sepintas lalu. Memahami amanat cerita tidak seperti menikmati nilai-nilai estetika di dalam karya-karya berkenaan. Jadi pembaca atau pengkaji adalah bertanggungjawab untuk mencungkil nilai-nilai

amanat ini untuk ditimba pengajaran daripadanya dan seterusnya diterapkan nilai-nilai ini di dalam kehidupan seharian.

Di dalam sesebuah hasil kesusasteraan, unsur-unsur amanat tidak wujud secara konkrit, jelas dan nyata. Amanat merupakan suatu konsep yang bersifat abstrak atau "tersembunyi". Ia hanya akan muncul setelah kita meneliti keseluruhan teks tersebut. Bagaimanapun, kewujudan amanat ini hanya dapat diketahui oleh pembaca berdasarkan kepada kepekaan mereka terhadap unsur-unsur tersebut dan seterusnya mereka akan memberi penilaian terhadap unsur-unsur berkenaan. Pengarang biasanya tidak akan menyampaikan amanat ini secara langsung kepada pembaca tetapi mereka lebih cenderung menyelitkan unsur-unsur ini supaya pembaca berupaya mengungkapkannya sendiri.

Pembicaraan mengenai amanat sesuatu hasil karya sastera bererti penelitian terhadap unsur-unsur yang membina strukturnya seperti tema dan persoalan yang menjadi kunci kepada penciptaan karya-karya berkenaan. Oleh yang demikian dapat dikatakan bahawa amanat ini sebenarnya wujud di dalam tema dan persoalan yang ditimbulkan oleh pengarang.

Pada keseluruhannya, KTMDBK membawa tema permusyawarahan di dalam pentadbiran serta lain-lain persoalan yang berbentuk didaktik. Tema serta persoalan-persoalan inilah yang dijadikan amanat kepada pembaca. Sebagai sebuah karya sastera yang menggabungkan agama dan adat maka KTMDBK memuatkan unsur-unsur amanat yang dapat diterima oleh adat dan agama.

Penelitian amanat di dalam teks ini akan dilihat hubungannya dengan masyarakat yang melahirkannya. Ini disebabkan karya-karya kesusasteraan Melayu merupakan pancaran atau gambaran kehidupan masyarakat yang mendokong karya-karya tersebut. KTMDBK merupakan kaba yang tertua dan paling popular di kalangan masyarakat Minangkabau. Ia memainkan peranan penting di dalam kehidupan sosial

masyarakat Minangkabau di mana diperlihatkan keseimbangan adat dan Islam di bawah pemeritah wanita bernama Bunda Kandung.

Masyarakat Minangkabau merupakan suatu masyarakat yang amat patuh berpegang kepada Adat Perpatih. Adat itu adalah undang-undang dan ia merupakan rekaan manusia. Ia dicipta dan dirangka setelah mengalami berbagai peristiwa dan ragam hidup manusia dengan kehendak masyarakat semasa. Oleh kerana itu ada ungkapan yang menyebutkan;

Adat atas tumbuhnya

Pakat atas buatnya

Ibu adat muafakat.¹

Ungkapan di atas menjelaskan bahawa adat itu direka menurut keadaan, tempat dan masanya. Jika ia tidak sesuai maka ia boleh diubahsuai setelah diadakan kerapatan dan kebulatan.²

Apabila masyarakat Minangkabau menganut Islam pada abad ke-12, agama Islam telah mempengaruhi kehidupan mereka. Pada dasarnya penganut sistem Adat Perpatih menerima hukum Islam kerana sistem Adat Perpatih itu bukanlah satu sistem yang beku dan rigid tetapi bersedia menerima perubahan demi kebaikan seperti kata perbilangan adat;

Sekali air bah,

Sekali pantai berubah.³

¹ A. Samad Idris, "Adat Bersendi Hukum" dalam Mingguan Malaysia/Pancaindera, 5 Feb. 1989, hlm. 3.

² Ibid., hlm. 3.

³ Ismail Hamid, Masyarakat dan Budaya Melayu (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988), hlm. 110.

Maka atas prinsip sedia menerima perubahan itulah, sistem Adat Perpatih mengakui kepentingan hukum-hukum Islam dalam konteks kehidupan masyarakat Adat Perpatih seperti yang diungkapkan dalam perbilangan adat yang berbunyi,

Adat bersendi hukum
 Hukum bersendi kitab Allah
 Kuat adat tak gaduhkan hukum
 Kuat hukum tak gaduhkan adat
 Ikut hukum muafakat
 Ikut adat muafakat. ¹

Dilihat dari aspek pemerintahan, Adat Perpatih membawa fahaman demokrasi, iaitu kedaulatan berada di tangan rakyat. Pemerintahan dijalankan secara musyawarah menerusi perwakilan suku-suku. ²

Keterangan di atas membuktikan bahawa masyarakat Minangkabau adalah suatu masyarakat yang unik dan tersendiri. Oleh yang demikian, amanat yang dihasilkan oleh karya-karya ciptaan masyarakatnya sudah pasti mendokong prinsip hidup masyarakat Minangkabau dan ianya diperlihatkan menerusi kombinasi agama dan adat di dalam sistem pemerintahannya. Hal demikian tergambar menerusi amanat yang terkandung di dalam teks ini, antaranya;

¹ Ismail Hamid, 1988, hlm. 110.

² Ibid. hlm. 110.

(1) **Musyawarah.**

Amanat utama yang cuba ditonjolkan oleh pengarang KTMDKB ialah kepentingan diadakan permusyawarahan atau dicari kata muafakat. Ini sesuai dengan pendapat yang dikemukakan oleh Nordin Selat di dalam bukunya Sistem Sosial Adat Perpatih yang mengatakan ada tiga golongan pemimpin masyarakat iaitu golongan adat, golongan agama dan golongan intelek dan seterusnya mesti ada kerjasama dan muafakat.¹

Kepentingan diadakan musyawarah untuk mencari kata muafakat amat ketara di dalam KTMDKB. Bunda Kandung sebagai pemerintah amat menekankan aspek ini di dalam organisasi pentadbiran dan pemerintahannya seperti katanya;

"Elok kato dimupakaik, elok nagari djo panghulu"

(KTMDKB, hlm. 18)

Perbilangan adat di atas menjelaskan bentuk pemerintahan yang demokrasi dengan pancasila yang selalu mencerminkan dan melaksanakan kehendak hati nurani rakyat iaitu dengan konsep 'dari rakyat untuk rakyat'.

Di dalam KTMDKB setiap permasalahan yang timbul akan dibawa ke meja perundingan yang dihadiri oleh Bunda Kandung, Dang Tuanku, Tjindur Mata dan Besar Empat Balai. Setiap masalah akan dibincangkan bersama serta dicari jalan penyelesaiannya. Setiap orang berhak untuk mengemukakan cadangan dan setiap cadangan akan diberikan pertimbangan. Keputusannya, cadangan yang dipersetujui ramai maka itulah yang dilaksanakan.

Meskipun Bunda Kandung menduduki tempat teratas di dalam hairaki pemerintahan di Pagar Ruyung, namun Besar Empat Balai juga mempunyai kedudukan

¹ Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih, (Kuala Lumpur: Utusan Melayu (M) M'sia Bhd., 1976), hlm. 58.

ang penting di dalam pentadbiran melalui peranan mereka di dalam memberikan endapat dan cadangan pada setiap kali musyawarah diadakan.

Aspek musyawarah di dalam KTMDBK ini terlihat menerusi beberapa peristiwa ang berlaku. Musyawarah pertama terlihat ketika Raja Muda mengahwinkan Puteri Bongsu dengan Raja Imbang Jaya. Bunda Kandung yang merasa marah dengan indakan Raja Muda mengambil keputusan untuk menyerang Sungai Ngiang. Bagaimanapun, keputusan Bunda Kandung ini tidak dipersetujui oleh Dang Tuanku, Tjindur Mata dan Besar Empat Balai. Rundingan diadakan dan kata sepakat emudiannya dicapai untuk menghantar Tjindur Mata sebagai utusan dari Bunda Kandung dengan membawa beberapa cenderamata pemberian Bunda Kandung dan Raja Muda adalah bersaudara. Diharapkan dengan adanya restu dari Bunda Kandung ini ubungan di antara kedua-dua buah negeri akan bertambah erat.

Seterusnya rundingan juga memainkan peranan yang penting di dalam usaha Bunda Kandung dan Besar Empat Balai mencari hukuman yang sesuai dengan kesalahan ang dilakukan oleh Tjindur Mata membawa pulang Puteri Bongsu ke Pagar Ruyung. Peristiwa Tjindur Mata membawa Puteri Bongsu ke Pagar Ruyung memberi satu amparan hebat kepada pemerintahan Bunda Kandung dan Besar Empat Balai kerana amat sukar untuk mencari suatu keputusan dan hukuman yang adil. Keputusan yang libuat bukan dicapai dalam masa yang singkat tetapi melalui satu siri rundingan yang urut melibatkan Raja Buo dan Raja Sumpurkudus serta Dang Tuanku sendiri.

Sebelum dibawa kepada pengetahuan Raja Buo, Raja Sumpurkudus dan Dang Tuanku, Besar Empat Balai telah berusaha untuk menyelesaikan masalah tersebut melalui ara musyawarah di antara keempat-empat orang menteri tersebut. Bagaimanapun setelah segala usaha mereka masih menemui kegagalan, Besar Empat Balai kemudiannya nencapai kata sepakat untuk berunding pula dengan Raja Buo dan Raja Sumpurkudus ntuk memperolehi hukuman yang sesuai dengan kesalahan Tjindur Mata. Ini terlihat nenerusi kata-kata Datuk Indomo seperti di bawah;

"bulat yang boleh digolekkan, pipih yang boleh dilayangkan."

(KTMDBK, hlm. 96)

Perbilangan di atas menjelaskan bahawa musyawarah untuk muafakat adalah suara bulat yang diterima dengan hati yang ikhlas atas suatu yang dimusyawarahkan.

Setelah menemui jalan buntu meskipun rundingan demi rundingan telah diadakan, Dang Tuanku sebagai pemerintah akhirnya diminta untuk memberikan keputusan. Menurut pendapat Dang Tuanku, Tjindur Mata tidak bersalah malah beliau telah membantu Puteri Bongsu. Sebaliknya Raja Imbang Jaya yang bersalah kerana menyebarkan fitnah, mengupah penyamun-penyamun serta merebut tunangan beliau. Keputusan yang dibuat oleh Tjindur Mata itu dipersetujui oleh semua pihak dan Bunda Kandung sendiri turut berpuashati dengan keputusan tersebut.

Kedadaan ini adalah bersesuaian dengan konsep muafakat yang menjadi dasar hidup masyarakat Adat Perpatih. Anggota-anggota masyarakat Adat Perpatih sekata, sekerja dan serasa seperti mana kata perbilangan;

Bulat air kerana pembetung,

Bulat manusia kerana muafakat.

dan

Berat sama dipikul,

Ringan sama dijinjing,

Hati gajah sama dilapah,

Hati kuman sama dicecah.

Keselarasan di antara adat dan agama seperti mana yang telah diperkatakan terlihat menerusi aspek musyawarah ini. Meskipun terkenal sebagai sebuah masyarakat yang amat kuat berpegang kepada adat namun Bunda Kandung sebagai pemerintah turut

tidak mengenyepikan agama di dalam pemerintahannya. Dasar permusyawarahan yang dipegang oleh Bunda Kandung ini dapat dilihat menerusi kata-katanya;

"Bulat air di pembuluhan, bulat kata jua muafakat, putus rundingan tentang itulah dapat kata seia, dapat rundingan sermuafakat"

(KTMDBK, hlm. 19)

Kata-kata dari Bunda Kandung itu menjelaskan bahawa musyawarah untuk muafakat perlu dilaksanakan oleh setiap yang disebut sebagai pemimpin dalam hal-hal yang patut dimusyawarahkan dan ia adalah ciri khas adat Minangkabau.

Unsur musyawarah yang diamalkan oleh Bunda Kandung ini adalah selaras dengan firman Allah di dalam Al-Qur'an yang bermaksud;

"Dan (untuk) orang-orang yang memperkenankan (seruan) kepada Tuhannya dan mendirikan sembahyang, sedang urusan mereka dengan bermusyawarah sesama mereka..."

(Surah Asy-Syura: 38)

Ayat di atas menerangkan bahawa urusan kaum muslimin itu ialah dengan bermusyawarah (bermuafakat, bertukar fikiran) antara sesamanya. Urusan negeri, perkumpulan, pendidikan dan sebagainya hendaklah dengan bermusyawarah lebih dahulu sebelum memutuskan sesuatu keputusan. Dengan jalan begini akan teraturlah urusan kaum muslimin dan hiduplah mereka dengan aman dan damai.

Dengan ini ternyata bahawa dasar pemerintahan Bunda Kandung yang menyelaraskan adat dan agama telah mewujudkan suatu keadaan yang aman dan harmoni di Pagar Ruyung. Penekanan aspek musyawarah di dalam mencari kata sepakat sebagai dasar pemerintahan telah memberikan peluang kepada rakyat yang diwakili oleh semua pihak. Justeru itu, fahaman demokrasi yang merupakan tunggak utama di dalam sistem pemerintahan Adat Perpatih berjaya dilaksanakan sepenuhnya dengan memberikan hak-hak yang sama kepada rakyat untuk sama-sama terbabit di dalam pentadbiran negara.

(2) **Keadilan dan kebenaran.**

Dalam sistem politik Melayu yang mengamalkan Adat Perpatih pemilihan raja adalah bercorak demokrasi kerana pemimpin suku-suku memainkan peranan untuk menentukan perantikan seseorang raja. Dalam sistem politik Adat Perpatih, kedudukan dan pangkat orang-orang besar itu sudah ditentukan oleh sistem adat tersebut.¹

Namun demikian, sistem politik Adat Perpatih mempunyai ciri yang khusus yang lebih banyak menekankan sistem permesyuaratan yang lebih hampir kepada sistem demokrasi; semua suku mempunyai suara dalam menentukan perantikan raja dan orang-orang besar.²

Penekanan kepada aspek permesyuaratan di dalam Adat Perpatih membawa kepada keadilan di dalam pemerintahan. Keadilan dapat diwujudkan kerana pemerintah tidak berfahaman autokrat di mana raja atau pemerintah mempunyai kuasa mutlak, tetapi sebaliknya rakyat turut diberikan peluang dan kebebasan untuk menyuarakan pandangan dan cadangan mereka terhadap apa jua masalah yang timbul di dalam sistem pemerintahan ataupun apa jua hal yang berkaitan dengan kehidupan rakyat.

Konsep keadilan amat dipentingkan oleh Bunda Kandung sebagai pemerintah di Pagar Ruyung. Ini terlihat menerusi kata-kata Bunda Kandung seperti di bawah;

"Bukan mudah jadi raja, pandai menghukum adil-adil, lagi cerdik bijaksana... raja adil raja disembah, raja zalim raja disanggah."

(KTMDBK, hlm. 18-19)

¹ Ismail Hamid, 1988, hlm. 120.

² Ibid., hlm. 121.

Nasihat yang diberikan oleh Bunda Kandung kepada Dang Tuanku dan Tjindur Mata dengan jelas memperlihatkan bahawa seseorang raja atau pemerintah bukanlah suatu tanggungjawab yang mudah kerana seseorang raja itu hendaklah mengamalkan konsep keadilan di dalam pemerintahannya supaya wujud keamanan dan keharmonian di dalam negeri. Kata-kata Bunda Kandung juga jelas memperlihatkan bahawa hanya raja yang adil sahaja yang akan dihormati manakala raja yang tidak mengamalkan konsep keadilan dan raja yang zalim tidak perlu diberikan penghormatan. Ternyata bahawa ciri keadilan itu diletakkan sebagai ciri yang terpenting untuk menjadi seorang pemimpin kerana hanya dengan keadilan sahaja kesejahteraan negeri dapat diwujudkan.

Konsep keadilan ini diperkuatkan lagi dengan kata-kata yang dilafazkan oleh Bunda Kandung seperti katanya;

"Kalau mengati sama berat, kalau menguji sama merah."

(KTMDBK, hlm. 24)

"Kok membahagi sama banyak, yang menguji sama merah."

(KTMDBK, hlm. 144)

Sebagai sebuah masyarakat yang hidup dengan berpegang teguh kepada adat maka perbilangan-perbilangan adat banyak yang mencerminkan konsep kebenaran dan keadilan di dalam masyarakat ini. Hal seumpama ini juga terlihat di dalam KTMDBK. Konsep kebenaran dan keadilan dalam masyarakat di Minangkabau ini ditegaskan oleh perbilangan seperti di bawah;

"Kemanakan beraja kepada mamak,
mamak beraja kepada penghulu
penghulu beraja kepada muafakat."

(KTMDBK, hlm. 18)

"Penghulu beraja kepada muafakat
muafakat beraja kepada Yang Benar
benar berdiri dengan sendirinya
yang dinamakan alur dan patut."

Penghulu atau ketua masyarakat Adat Perpatih tidak membuat keputusan sendirian. Keputusannya berpandukan muafakat iaitu mesyuarat bersama kemanakan hingga tercapai persetujuan sebulat suara. Muafakat ini pula berpandukan "yang benar" atau "alur dan patut" iaitu yang dianggap betul dan sesuai dengan undang-undang alam, akal dan moral. Pertimbangan yang lain diketepikan seperti kepentingan diri, kasih sayang terhadap keluarga dan sebagainya. Kebenaran dan keadilan adalah "authority" tertinggi.¹ Ini berkaitan dengan perbilangan seperti mana yang disebut oleh Bunda Kandung iaitu;

"raja adil raja disembah
raja zalim raja disanggah."

(KTMDBK, hlm. 9)

"Raja" di sini meliputi semua ketua. Siapa sahaja ketua yang melanggar keadilan akan dilucutkan jawatannya.²

Dengan ini jelas bahawa konsep keadilan dan kebenaran amat dipentingkan dan ia merupakan ciri utama yang perlu ada pada seseorang pemimpin atau ketua masyarakat.

¹ Nordin Selat, Renungan (Kuala Lumpur: Utusan Printcorp Sdn. Bhd, 1978), hlm. 229.

² Ibid., hlm. 229.

(3) Kepimpinan.

Konsep kepimpinan di dalam adat juga menekankan kepada konsep demokrasi di mana seseorang pemimpin adalah dipilih oleh rakyat dan seseorang pemimpin itu memperoleh kedudukan adalah hasil daripada kepercayaan rakyat terhadapnya.¹ Ini dapat dilihat dari kata perbilangan di bawah;

Tumbuhnya ditanam

Tingginya dianjung

Besarnya diampu.

Seseorang pemimpin tidak harus mengabaikan tanggungjawabnya kerana pilihannya adalah ditentukan oleh rakyat. Sekiranya seseorang pemimpin itu gagal melaksanakan tanggungjawabnya atau menyalahgunakan kuasanya maka dia boleh disingkirkan selaras dengan perbilangan;

raja adil raja disembah

raja zalim raja disanggah,

Hal ini ada dinyatakan oleh Bunda Kandung di dalam KTMDBK seperti katanya;

"Lorong kepada penghulu, itulah orang beranak buah, menyusun mengatur anak kemanakan...
Lorong kepada hamba rakyat, ia beraja ke mamak, mamak beraja ke penghulu, penghulu beraja ke muafakat."

(KTMDBK, hlm. 20)

Di dalam masyarakat Minangkabau walau apa pun kedudukan seseorang penghulu atau pemimpin di dalam hairaki pemerintahan, ia harus bertanggungjawab

¹ Ibid., hlm. 124.

sebagai pelindung kepada rakyat yang berada di bawahnya. Rakyat mengharapkan seorang pemimpin itu bersifat seperti "payung" yang dapat memberi perlindungan kepada mereka. Peranan pemimpin sebagai pelindung dijelaskan menerusi kata-kata Dang Tuanku seperti di bawah;

"... pohon rendang tengah padang, daunnya tempat berteduh,
akarnya tempat bersila, batangnya tempat bersandar..."

(KTMDBK, h. 38)

Ini menjelaskan bahawa seseorang pemimpin itu harus berusaha sedaya upayanya untuk memastikan kebajikan hamba rakyat sentiasa terpelihara.

Aspek kepimpinan di dalam KTMDBK amat ketara pada watak Tjindur Mata iaitu anak kepada Kembang Bendahari yang menjadi pengiring Bunda Kandung. Tjindur Mata telah menyelamatkan takhta kerajaan Pagar Ruyung dan juga menyelamatkan tunangan Sultan Rumandung (Dang Tuanku) yang bernama Puteri Bongsu dari dirampas oleh Raja Imbang Jaya. Hal ini memberikan gambaran kepimpinan yang didokong oleh orang kebanyakan iaitu bapa yang bukan dari raja diwakili oleh Tjindur Mata.

(4) Kesetiaan.

Konsep kesetiaan mempunyai hubungan yang erat dengan konsep keadilan dan kebenaran yang menekankan aspek "raja adil raja disembah, raja zalim disanggah". Konsep kesetiaan ini adalah kesetiaan rakyat kepada raja atau pemimpin. Hal ini dapat dilihat dengan jelas di dalam KTMDBK.

Melalui dasar musyawarah yang dijalankan oleh Bunda Kandung di dalam pemerintahannya telah berjaya mewujudkan keadilan di samping melahirkan suatu keadaan yang aman serta harmoni. Konsep keadilan yang diamalkan oleh Bunda Kandung ini menyebabkan beliau menjadi seorang raja yang dihormati dan disanjung.

Rakyat telah menumpahkan segala ketaatan dan kesetiaan kepada Bunda Kandung. Keadaan ini dapat dilihat dari kepatuhan yang diperlihatkan oleh Dang Tuanku, Tjindur Mata dan Besar Empat Balai serta kakitangannya yang lain seperti Berkat, Barulih, Tambahi dan si Kembang yang empat puluh di dalam melaksanakan segala perintah yang diarahkan oleh Bunda Kandung.

Kesetiaan juga dapat dilihat di dalam diri Tjindur Mata terhadap Dang Tuanku yang menjadi pemerintah sebenar di Pagar Ruyung. Ini diperlihatkan oleh kesanggupan Tjindur Mata menunaikan perintah dari Dang Tuanku supaya membawa Puteri Bongsu pulang ke Pagar Ruyung meskipun Tjindur Mata menyedari risiko yang bakal dihadapinya. Kesetiaan beliau diperkuatkan lagi dengan tindakannya untuk tidak memberitahu akan hal yang sebenarnya kepada Bunda Kandung dan Besar Empat Balai ketika mereka berusaha untuk menjatuhkan hukuman ke atas kesalahannya. Ini membuktikan bahawa Tjindur Mata rela melakukan apa sahaja demi kesetiaan dan rasa kepatuhannya kepada Dang Tuanku sebagai seorang raja.

Nilai kesetiaan Tjindur Mata juga terlihat pada kesanggupan beliau menjadi utusan Bunda Kandung ke Sungai Ngiang walaupun terpaksa melalui Bukit Tambun Tulang yang dijadikan sarang penyamun.

(5) Pengorbanan.

Nilai pengorbanan juga mempunyai hubungan dengan nilai kesetiaan. Hal ini dapat dilihat menerusi kesanggupan Tjindur Mata melaksanakan tanggungjawab yang diberikan oleh Dang Tuanku terhadapnya. Selain dari terpaksa menghadapi pelbagai kesukaran dan terpaksa pula berhadapan dengan perbicaraan yang dibuat oleh Bunda Kandung untuk memutuskan hukuman ke atasnya namun Tjindur Mata tetap tidak membocorkan rahsia tindakan yang dilakukannya.

Pengorbanan yang dilakukan oleh Tjindur Mata ini adalah di atas dasar kesetiaan serta kasih sayangnya terhadap Dang Tuanku. Tjindur Mata rela melakukan pengorbanan untuk memenuhi permintaan Dang Tuanku agar Dang Tuanku hidup berbahagia. Tindakan yang dilakukan oleh Tjindur Mata ini memberikan gambaran beliau sanggup melakukan apa sahaja demi untuk kebahagiaan orang lain tanpa memikirkan kepentingan dirinya sendiri.

Pengorbanan akan menjadi lebih bermakna sekiranya ia dihargai. Sehubungan dengan ini, Dang Tuanku pula merupakan seorang raja yang berhati mulia apabila beliau menghargai segala pengorbanan yang dilakukan oleh Tjindur Mata terhadapnya. Dang Tuanku telah bertindak sebagai pelindung kepada Tjindur Mata yang terpaksa berhadapan dengan Bunda Kandung dan Besar Empat Balai di dalam usaha mereka untuk menjatuhkan hukuman ke atasnya. Sebagai seorang pemerintah, Dang Tuanku telah memperlihatkan kewibawaannya dengan mengatakan Tjindur Mata tidak bersalah kerana membawa pulang Puteri Bongsu ke Pagar Ruyung. Dang Tuanku berpendapat Tjindur Mata telah menyelamatkan Puteri Bongsu dari tangan Imbang Jaya dan sebaliknya Imbang Jaya yang bersalah kerana membuat fitnah, mengupah penyamun-penyamun dan merebut tunangannya iaitu Puteri Bongsu. Jawapan dari Dang Tuanku ini menjadi penawar kepada segala pengorbanan yang dilakukan oleh Tjindur Mata.

Hal ini memperlihatkan dalam kehidupan manusia perlu ada sikap bertolak-ansur serta tidak mementingkan diri sendiri sahaja. Dengan adanya sikap seperti ini kita akan sama-sama dapat mengecap kebahagiaan seperti mana halnya dengan Dang Tuanku dan Tjindur Mata.

Teks ini juga turut menyelitkan nilai negatif yang perlu dijadikan sempadan oleh para pembaca. Antaranya ialah;

(1) **Hasad dengki dan fitnah**

Hasad dengki bermakna irihati terhadap apa yang dinikmati oleh orang lain. Mereka yang mempunyai perasaan ini akan sering berusaha untuk menghilangkan nikmat yang dikecap oleh orang lain.

Sehubungan dengan ini, watak Imbang Jaya dapat digolongkan sebagai seorang yang mempunyai sifat hasad dengki. Ini terlihat menerusi tindakan Raja Imbang Jaya yang membuat fitnah dengan mengatakan Dang Tuanku telah menghidap penyakit tokak serta tekong. Raja Imbang Jaya juga telah membuat fitnah dengan mengatakan Dang Tuanku telah dihalau keluar dari istana dan berpondok di tepi air akibat dari penyakit yang dihadapinya itu.

Sifat hasad dengki yang wujud pada diri Raja Imbang Jaya itu adalah disebabkan oleh keinginannya untuk memiliki Puteri Bongsu yang telah menjadi tunangan Dang Tuanku sejak mereka kecil lagi. Hasrat Raja Imbang Jaya untuk mengahwini Puteri Bongsu hampir berjaya kerana Bunda Kandung kemudiannya turut merestui perkahwinan tersebut setelah dinasihatkan oleh Besar Empat Balai. Bagaimanapun Dang Tuanku tetap tidak rela dengan perbuatan dan tindakan Raja Imbang Jaya terhadapnya. Dang Tuanku dengan kerjasama dari Tjindur Mata yang dilantik sebagai utusan dari Bunda Kandung ke Sungai Ngiang telah membawa Puteri Bongsu pulang ke Pagar Ruyung.

Perasaan hasad dengki Imbang Jaya ini juga terlihat dari tindakannya mengupah penyamun-penyamun di Bukit Tambun Tulang. Penyamun-penyamun upahan tersebut diarahkan supaya membunuh sesiapa sahaja yang melintasi Bukit Tambun Tulang. Raja Imbang Jaya berbuat demikian untuk memastikan agar berita perkahwinannya dengan Puteri Bongsu tidak sampai kepada pengetahuan Bunda Kandung dan Dang Tuanku di Pagar Ruyung.

Tindakan Raja Imbang Jaya ini telah menimbulkan perasaan marah dan benci di hati Bunda Kandung, Dang Tuanku, Tjindur Mata dan Besar Empat Balai. Akibat dari perasaan marah inilah maka Tjindur Mata telah bertindak dengan nekad membawa Puteri Bongsu pulang ke Pagar Ruyung. Tindakan Tjindur Mata ini memberi pengajaran kepada Raja Imbang Jaya supaya tidak melakukan sesuatu perkara yang tidak disukai oleh orang lain. Bagaimanapun, Raja Imbang Jaya yang mempunyai sifat hasad dengki yang tebal tetap berusaha untuk mendapatkan Puteri Bongsu dengan melancarkan serangan ke atas Pagar Ruyung. Raja Imbang Jaya akhirnya berjaya dibunuh.

Agama Islam sendiri amat melarang manusia dari mempunyai sifat hasad dengki seperti ini kerana ia akan membawa kehidupan manusia kepada kehancuran sebagaimana firman Allah yang bermaksud;

"Dan janganlah kamu iri hati terhadap apa yang dikurniakan Allah kepada sebahagian dari kamu lebih banyak dari sebahagian yang lain."

(Surah an-Nisa: 32)

(2) Melanggar janji

Pepatah ada menyebutkan 'kerbau dipegang pada tali, manusia dipegang pada janji'. Dari pepatah ini nyata bahawa setiap janji yang telah dibuat haruslah ditepati. Janji yang sudah disepakati tidak seharusnya dilanggar. Di dalam KTMDBK juga ada disebutkan;

"... kata dahulu kata bertepati, kata kemudian kata bercari.."

(KTMDBK, hlm. 64)

Tindakan Raja Muda yang memutuskan pertunangan Dang Tuanku dengan Puteri Bongsu telah menimbulkan kemarahan Bunda Kandung. Ini disebabkan Raja

Muda telah melanggar janji yang telah dimeteri di antara Bunda Kandung dengan Raja Muda. Mereka telah bersetuju untuk mengahwinkan Dang Tuanku dengan Puteri Bongsu kerana Dang Tuanku dan Puteri Bongsu telah ditunangkan sejak dari kecil lagi.

Pelanggaran janji oleh Raja Muda telah mengakibatkan Bunda Kandung mengambil tindakan untuk menyerang Sungai Ngiang kerana marah dengan tindakan yang dilakukan oleh Raja Muda. Bagaimanapun kemarahan Raja Muda ini dapat diredakan dengan nasihat dari Besar Empat Balai. Bunda Kandung akhirnya terpaksa juga merestui perkahwinan di antara Raja Imbang Jaya dengan Puteri Bongsu. Hasrat Raja Muda ini tidak terlaksana apabila Tjindur Mata membawa Puteri Bongsu ke Pagar Ruyung sebagai melaksanakan perintah dari Dang Tuanku.

Dari peristiwa ini dapat dikatakan bahawa janji yang tidak ditunaikan akan menimbulkan kemarahan orang lain malahan ianya juga boleh menerbitkan rasa permusuhan di antara satu dengan lain.

(3) Sifat terburu-buru

Sifat terburu-buru adalah satu sifat yang tidak baik kerana sesuatu tindakan yang diambil dengan cara terburu-buru atau tanpa usul periksa akan membawa akibat yang tidak baik.

Sifat ini dapat dilihat pada Raja Muda yang telah menerima apa sahaja yang diperkatakan oleh Raja Imbang Jaya tanpa usul periksa. Raja Muda tidak bertindak untuk menyiasat akan kebenaran berita yang dibuat oleh Raja Imbang Jaya iaitu mengatakan Dang Tuanku telah menghidap penyakit tokak dan tekong serta telah dihalau dari istana. Sifat terburu-buru Raja Muda juga dapat dilihat menerusi persetujuan yang diberikannya untuk mengahwinkan Puteri Bongsu dengan Raja Imbang Jaya tanpa menyiasat terlebih dahulu kedudukan perkara yang sebenarnya.

Tindakan yang diambil oleh Raja Muda ini membawa kesan yang buruk apabila Puteri Bongsu kemudiannya dibawa oleh Tjindur Mata ke Pagar Ruyung. Ekoran dari tindakan dari Tjindur Mata itu meletus peperangan di antara Raja Imbang Jaya dan Tiang Bungkok dengan Tjindur Mata (Pagar Ruyung) kerana marah dengan tindakan Tjindur Mata membawa Puteri Bongsu.

Berdasarkan peristiwa ini dapat dilihat betapa pentingnya kita menyiasat sesuatu berita yang disampaikan terlebih dahulu sebelum membuat sesuatu keputusan. Sifat terburu-buru haruslah dihindarkan kerana ia akan membawa kesan buruk malahan sifat ini juga boleh menganiaya orang lain yang tidak bersalah seperti Puteri Bongsu yang terpaksa berkahwin dengan Raja Imbang Jaya.

(4) Materialistik (Kebendaan)

Memandang kebendaan lebih dari segala-galanya memberikan kesan yang negatif kerana ia akan mewujudkan rasa tamak haloba di dalam diri seseorang. Ia juga akan menyebabkan seseorang itu memikirkan kepentingan dirinya sendiri tanpa memikirkan kepentingan diri orang lain.

Tindakan Raja Muda mengahwinkan Puteri Bongsu dengan Raja Imbang Jaya juga didorong oleh sikap materialistik yang dimiliki oleh Raja Muda. Raja Muda telah memungkiri janjinya dengan Bunda Kandung juga akibat dari sikap tamaknya. Persetujuan yang diberikan oleh Raja Muda untuk mengahwinkan Raja Imbang Jaya dengan Puteri Bongsu disebabkan oleh kesanggupan Raja Imbang Jaya memberikan kekayaan kepada Raja Muda. Kekayaan ini telah mengaburi mata Raja Muda sehingga tidak memikirkan kepentingan diri Puteri Bongsu yang sebenarnya tidak rela dikahwinkan dengan Raja Imbang Jaya. Ini dapat dilihat menerusi kata-kata Puteri Bongsu yang mengatakan;

"... salah pada bapa kandungku. Ia terpengaruh oleh kuning emas, terpedaya kerana harta, anak dijual ke sumpit abu"

(KTMDBK, hlm. 71)

Ini membuktikan bahawa sikap tamak boleh membuat manusia lupa segala-galanya kerana apa yang difikirkan hanyalah untuk mengecap kesenangan dan kemewahan hidup.

Secara keseluruhannya, analisis yang dibuat terhadap nilai-nilai amanat sama ada yang positif atau negatif mempunyai hubungan dengan kehidupan masyarakat yang mendokongnya. Nilai-nilai ini juga bersifat sejagat kerana ia mempunyai kaitan dengan kemanusiaan. Sebagai makhluk yang dianugerahkan akal fikiran maka manusia mempunyai keupayaan untuk membezakan di antara nilai-nilai yang baik dan sebaliknya.

Analisis terhadap nilai-nilai yang baik dilihat di dalam hubungkaitnya dengan kehidupan masyarakat Minangkabau yang memberikan penekanan terhadap nilai-nilai berkenaan di dalam struktur pemerintahannya serta kehidupan bermasyarakat. Di dalam aspek kemasyarakatan, nilai-nilai keadilan dan kebenaran amat penting bagi mewujudkan keharmonian dan kemufakatan. Hanya mereka yang berpegang kepada konsep-konsep ini akan diberikan kepercayaan untuk memegang hairaki pemerintahan dan kepimpinan manakala mereka yang tidak mempunyai ciri-ciri tersebut dianggap sebagai tidak boleh untuk dipertanggungjawabkan tugas sebagai pemimpin atau ketua.

Di samping itu wujud juga segolongan manusia yang mempunyai sifat-sifat yang negatif serta boleh dianggap sebagai tidak mempunyai akhlak yang terpuji. Ini disebabkan mereka hanya memikirkan kepentingan diri mereka sahaja tanpa memperdulikan kepentingan orang lain sehingga sanggup melakukan penganiayaan terhadap orang-orang yang tidak bersalah.

Aspek amanat di dalam sesebuah karya sastra biasanya terlihat menerusi aspek tema dan persoalan yang cuba diketengahkan oleh pengarang. Aspek ini agak 'terselindung' dan ianya hanya dapat diamati menerusi pemerhatian yang teliti dan terperinci serta memerlukan daya fahaman yang baik dari pembaca. Dengan kata lain, amanat dapat dianggap sebagai berbentuk simbolik dan ia biasanya menyentuh mengenai hal-hal manusia dan kemanusiaannya. Ini disebabkan karya sastra merupakan cermin masyarakat yang diwakilinya.

Unsur-unsur amanat ini juga sebagai suatu unsur yang berbentuk instrinsik sudah pasti tidak dapat dipisahkan dari unsur-unsur yang mendukung karya berkenaan terutamanya unsur tema dan persoalan. Bagaimanapun, unsur-unsur lain di dalam struktur sesebuah karya sastra juga penting kerana setiap satu unsur ini mempunyai hubung kait dengan amanat karya. Watak biasanya dipilih sebagai saluran untuk pengarang menyampaikan amanat karya menerusi sifat, sikap serta tingkah-laku watak yang melahirkan tema dan persoalan sesebuah karya tersebut.

Sehubungan dengan ini, pergerakan watak-watak ini biasanya dibataskan oleh latar dan keadaan yang tertentu. Sikap serta sifat seseorang watak biasanya menerima pengaruh dari persekitaran yang melatari kehidupannya sama ada untuk menjadi manusia yang normal dan mempunyai emosi ataupun sebaliknya.

Seseorang pengarang akan menggunakan segala kreativitinya untuk menghasilkan jalinan unsur-unsur struktur ini bagi menghasilkan amanat karya yang dapat ditanggapi oleh pembaca ataupun pengkaji.

BIBLIOGRAFI

RUJUKAN ASAS:

Sjamsuddin Sutan Radjo-Endah. *Kaba Tjinduo Mato dan Bundo Kandung Indonesia* : C.V .Pustaka Bukit Tinggi, cetakan ketiga, tanpa tahun.

RUJUKAN UMUM

Abu Bakar Hamid, ed. *Diskusi Sastera Jilid I: Sastera Tradisi*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1976.

Abrams, M.H. *A Glossary of Literary Terms*. New York : Holt, Rinehart & Winston, 1981.

Ali Ahmad. *Asas Menganalisa Cereka*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1978.

Ann Jefferson dan David Robey, ed. *Teori Kesusasteraan Moden : Pengenalan Secara Perbandingan*. Kuala Lumpur : Dewan dan Pustaka 1988.

Cleanth Brooks dan Robert Penn Warren. *Understanding Fiction*. New Jersey : Prentice hall, 1970.

Eudora Welty, " Place in Fiction, " dalam Shiv Kumar dan Keith McKean, ed. *Critical Approaches to Fiction*. New York : McGaw- Hill Book Co., 1968

Faruk. *Strukturalisma Genetik (Teori General, Perkembangan Teori dan Metodenya)*. Jakarta : Masyarakat Poetika Indonesia, 1986.

H.Idrus Hakim Dt. Rajo Penghulu. *Pegangan Penghulu, Bundo Kanduang dan Pidato Alua Pasambahan Adat Di Minangkabau*. C.V .Bandung : Penerbit Remadja Karya, 1984.

Hashim Awang. *Cerpen-cerpen Melayu Sebelum Perang Dunia Kedua*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1975.

_____. *Cerpen-cerpen Melayu Sebelum Perang Dunia Kedua: Satu Analisis Tentang Tema dan Struktur*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1981.

Harun Mat Piah. *Puisi Melayu Tradisional : Satu Perbicaraan Genre dan Fungsi*. Universiti Kebangsaan Malaysia : Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, 1981.

Nordin Selat. *Sistem Sosial Adat Papatih*. Kuala Lumpur : Utusan Melayu (M) Bhd., 1976.

-
- _____ *Renungan* . Kuala Lumpur : Utusan Printcorp Sdn. Bhd., 1978.
- Othman Putih. *Cerpen Melayu Selepas Perang Dunia Kedua : Satu Analisis Tentang Pemikiran Dan Struktur*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1983 .
- Rene Wellek dan Austin Warren. *Theory Of Literature*. Harmondsworth : Penguins Books, 1970.
- Richard Taylor . *Understanding The Elements Of Literature*. London: Macmillan, 1981.
- Robert Scholes. *Structuralism In Literature*. London : Yale University Press, 1977.
- S. Othman Kelantan. *Teknik Mengkaji Novel*. Kuala Lumpur: Karya Bistari Sdn. Bhd., 1985.
-
- _____ *Kecenderungan Baru Dalam Novel Melayu: Satu Kajian Struktur*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka ,1987.
- Shahnon Ahmad. *Gubahan Novel* . Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1980.
- Sylvan Barnet, Morton Berman dan William Burto. *A Dictionary Of Literary Terms*. Boston : Little , Brown and Company, 1960 .
- Teeuw, A. *Membaca dan Menilai Sastera* . Jakarta : Gramedia, 1983 .
- Teuku Iskandar . *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1970.
- Terence Hawkes. *Structuralism and Semiotics*. London : Methuen and Co. Limited., 1978.
- Wilbur Scott. *Five Approaches Of Literary Criticism*. London : Collier - Macmillan, 1962.

AKHBAR / MAJALAH / JURNAL:

- Abdul Samad Idris, "Adat Bersendi Hukum," *Mingguan Malaysial Pancaindera*, 5 hb. Febuari 1989, h. 3.
- Alis Murni, "Penglipurlara Melayu dan Kaba Minangkabau (Satu Perbandingan)," *Dewan Bahasa*, 13:1 (Jan. 1969),h. 35-36.
- Edwar Djaramis. "Bahasa Melayu Minangkabau," *Dewan Bahasa*, Jilid 26 (1982), h. 346.
- Ismail Hussein, "Malay Philology - Possible Contribution From Malaysia," *Review of Southern Asia Studies*, 1:3, (1971), h. 21.
- Umar Junus, "Lingkaran Cerita Kaba," *Dewan Sastera*, 10:6 (Jun 1980), h. 54.
- Mohd. Thani Ahmad, "Kesusasteraan dan Strukturnya : Satu Pendekatan," *Dewan Bahasa* (Nov. 1973), h. 503.

KERTASKERJA:

Irene Portis Winner, t. t., "The Semiotic Character Of The Aesthetic Function As Defined By The Prague Linguistic Circle."

Umar Junus, "Kaba dan Sistem Sosial Minangkabau: Satu Problema," kertaskerja Seminar Internasional Mengenai Kesusasteraan, Kemasyarakatan dan Kebudayaan Minangkabau, Bukit Tinggi, (Sept. 1980), h. 2-12

Navis, A. A., "Kaba : Cerita Rakyat Minangkabau," kertaskerja Pertemuan Sasterawan Nusantara III, Kuala Lumpur, (Dis. 1981), h. 12.

LAMPIRAN I

Bahagian pembukaan *Kaba Tjinduo Mato dan Bunda Kanduang*, berdasarkan naskhah asal kaba tersebut.

8

KALAPO NJIUK GADIANG

Kapa Ulando ba.petak2,
Banjak teserak bush palo,
Nangkodoh Datuk Radjo Indomo,
Balabuah sandjo pukua anam.

Kaba lah lamo komah talatak,
Kini dilietak diulang pulo,
Maulang kadji nan lamo,
Mambangkik tarech nan labauam.

Elok dikumpa udjung tall,
Buliah pangabek aka baha,
Aka diambiak kataruko.

Elok dikumpa udjuang ujanj,
Njanji talereng djadi kaba,
Kaba tjurito TJINDUA MATO.

OLAK olainjo maso itu lo diranah Tandjung Sango;
dalam Ustano Paga Rujuang Ustano Dauai Bundo
Kanduang Ustano gadang mahligai tinggi barandju-
ang perak andjuang suaso tampek sumajam Bundo Kan-
duang radjo usali turun tamurun bukan radjo dang
mamintak bukan radjo dang babali samo tadjadi djo
alam nangko.

Radjo badiri sadirinjo timbalan radjo Banua Ru-
hum timbalan radjo Banua Tjino timbalan radjo di
lautan sapih balahan ampek djurai mandjudjuang
Mangkuto Kulah Kamar batatah intan muliaro ba-
djambua baameh mutu mamakai kain si Gandur-gan-
dun dikambang saleba alam dibatun sabatun kuku

LAMPIRAN II

Bahagian akhir *Kaba Tjinduo Mato dan Bundo Kanduang*, berdasarkan naskhah asal kaba tersebut.

153

pado niniak mamak dari mamak ka panghulu ilbo di-
panghulu kapado lareh lareh nan duo luhak nan tigo
partamo Lareh Koto Piliang lo ganggaman Datuak Parpa-
tiah Datuak Parpattiah nan Sabatang ilu dipakai Tuan
Tiltah lo Bandaharo Sungai Tarab nan kaduo Lareh
Budi Tjaniago pegangan Datuak Katumanggungan ga-
dangnjo balega pusako basalin sakali ala gadang sakali
tapian baralih bulak kato djo mupakaik tinggijnjo nan
baandjuang gadangnjo nan baamba pusek djalo pusi-
punan ikan lo di Balairuang Pandjang didalam nagar
Parlangan sadjadjaran Balang Sangkaweh diateh Bar-
ngin nan Sonsang disanan banto nan barajun Sirangkak
bakuku hitam disanan buajo putih daguek sampas
kini baltu djuo kalau anda tidak pitjajo bullah badjalan
kini djuo lo ka Parlangan Padang Pandjang baolah
kumajan putih baka kumajan lito disanan sarulah apo
nan katudju kalau anda handak maliek handak pa-
badjalan-djalan baolah foto nan sabuah untuak djad-
kanang-kanangan disanan turun njinjak kito njinjak
mojang rang Minang Kabau.

Dimano asa api palito
lo dipandan nan baduri
Dimano asa niniak kito
lo dikaki Gunung Marapi.

Rami kampuang rang Sumanak
Rami diarak urang Gerun
Rami nan sampai langah hari.

Talantuang karano naik
Ralanak bagageh turun
Maaf djo reda panjudahi.

T A M M A T